

08 JUN 1999

Mahathir-Tenaga

MALAYSIA KAJI MASUKKAN SUMBER BOLEH DIPERBAHARUI DLM STRATEGI TENAGA

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan mengkaji kewajaran meluaskan strategi tenaga sekarang yang berasaskan kepada empat bahan bakar supaya turut merangkumi sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Beliau berkata rancangan pembangunan lima tahun akan datang, Rancangan Malaysia Kelapan, akan mengenal pasti strategi pelaksanaan yang sewajarnya bagi pembangunan dan penggunaan sumber yang boleh diperbaharui sebagai komponen penting dalam keseluruhan sumber tenaga negara.

Ketika berucap merasmikan Kongres Sedunia Mengenai Tenaga Yang Boleh Diperbaharui di sini, Dr Mahathir berkata pada masa ini kejayaan strategi berasaskan empat bahan tenaga, terdiri daripada minyak, gas, hidro dan arang batu, amat ketara dalam sektor elektrik.

Ini dapat dilihat daripada pertumbuhan yang tinggi dalam penggunaan tenaga elektrik bagi tempoh dua dekad yang lepas, katanya.

"Malahan kongres ini berlangsung pada masa yang paling sesuai iaitu ketika kita sedang menilai dasar tenaga nasional kita ke arah memajukan sistem tenaga nasional yang lebih mapan," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa pada masa ini gas, yang merupakan sumber tenaga yang lebih mesra alam, menyumbang lebih daripada 70 peratus penjanaan tenaga elektrik negara.

"Bagaimanapun, pergantungan yang keterlaluan kepada gas pun adalah tindakan yang tidak bijak bagi jangka panjang. Kita perlu bersandar kepada sumber tenaga yang benar-benar boleh diperbaharui seperti hidro, kerana seperti yang telah saya katakan, kita tidak boleh mendapat sesuatu dengan percuma sahaja," katanya.

Beliau berkata tenaga hidro memerlukan sedikit pengorbanan daripada segi penebangan hutan.

Bagaimanapun Malaysia dilitupi 70 peratus oleh hutan dan ladang pokok dan kawasan sebenar yang perlu dibersihkan untuk memajukan sumber hidro tidak akan begitu menjejaskan peratusan itu.

"Namun begitu, penjanaan tenaga elektrik daripadanya adalah lebih bersih dan tidak mencemarkan alam sekitar walaupun berbanding dengan gas," kata beliau.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata telah tiba masanya negara menumpukan kepada sumber tenaga yang boleh diperbaharui kerana semakin lama teknologi yang digunakan didapati semakin canggih.

"Semasa pameran tadi, saya ditunjukkan satu panel solar yang boleh menyalakan lampu. Ia berharga US\$100 (RM380) bagi satu set lengkap dan tak perlu bayar lagi selepas itu... sumber tenaga percuma," katanya.

Dr Mahathir juga berkata satu lagi yang menarik perhatian beliau ialah panel solar yang membekalkan tenaga elektrik pada siang hari, yang boleh dimasukkan dan dijual ke dalam grid.

"Pada malam ia boleh digunakan balik pada lampu. Jual dan beli ini akan mengimbangi perbelanjaan... kalau di kampung misalnya," kata beliau.

Semasa ucapannya, Dr Mahathir berkata kerajaan telah menubuhkan Pusat Tenaga Malaysia untuk memaju dan menyelaraskan usaha untuk memulakan projek demonstrasi sebelum dikomersilkan untuk menilai daya majunya daripada segi ekonomi dan memudahkan pelaksanaan teknologi tenaga boleh diperbaharui yang lebih baik.

Beliau berkata pusat itu akan memainkan peranan penting merapatkan jurang antara penyelidikan dan pembangunan (R & D) dengan pengkomersilan

teknologi tenaga boleh diperbaharui dan dengan pertubuhan antarabangsa untuk membina kemampuan yang diperlukan untuk melaksanakan program tenaga boleh diperbaharui yang boleh di;pasarkan dan efisien.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga berminat untuk menubuhkan rangkaian serantau bagi pendidikan, latihan dan penyebaran maklumat mengenai tenaga boleh diperbaharui.

Beliau berkata tenaga adalah penting kepada kemajuan manusia tetapi terdapat kos yang tidak hanya terhad kepada kewangan semata-mata untuk memastikan ia akan diperolehi bagi kemajuan manusia.

"Kos yang lebih penting ialah kesan menjanaan tenaga terhadap alam sekitar. Kita boleh sekurang-kurangnya mengurangkan kos itu, tidak sangat daripada segi kewangan tetapi lebih kepada segi kesannya terhadap alam sekitar," katanya.

Beliau berkata bahawa pada Persidangan Kemuncak Rio pada 1992, telah dipersetujui supaya negara kaya menyumbang kepada negara miskin untuk mengelakkan mereka daripada keperluan menebang pokok untuk memajukan negara dan rakyatnya.

"Bagaimanapun seperti yang kita semua maklum, sumbangan itu tidak datang. Namun pencinta alam sekitar mereka, terutamanya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mereka, tidak habis-habisnya mengutuk dan bertindak terhadap pihak yang tidak mempunyai pilihan selain menggunakan sumber semula jadi mereka," katanya.

Beliau berkata negara-negara miskin, malah negara yang berpendapatan sederhana juga, mempunyai tanggungjawab untuk memajukan dan membawa kehidupan yang lebih baik kepada rakyatnya.

Beliau berkata sementara perdebatan tentang bahan bakar yang paling mapan untuk gaya hidup yang lebih baik berterusan, perangkaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menunjukkan bahawa lebih daripada 2.4 bilion orang di negara sedang membangun tidak mempunyai kemudahan untuk mendapat tenaga komersil.

"Ini bermakna hampir-hampir 40 peratus daripada penduduk dunia mempunyai sumber tenaga yang tidak mencukupi untuk keperluan asas mereka. Ini akan menghalang kemajuan dan pembangunan,... apabila kita bercakap mengenai pembangunan mapan, kita juga mesti memikirkan tentang ekuiti," katanya.

Dr Mahathir berkata jaminan terbaik bagi bekalan tenaga dan pemapannya ialah dengan memajukan dan menggunakan sumber tenaga negara sendiri.

Dengan berasaskan ini, sumber tenaga boleh diperbaharui yang asli mungkin wajar tetapi ia mestilah pada kadar kos yang berpatutan kerana kos yang lebih tinggi tidak akan menarik minat pemimpin industri dan perniagaan.

Dr Mahathir berkata negara maju mestilah mengakui perlunya negara membangun mempunyai kemudahan terhadap teknologi tenaga yang boleh diperbaharui pada harga yang disubsidi atau sekurang-kurangnya yang termampu.

-- BERNAMA

AR RM NMO